

## KECERDASAN SPIRITUAL MENURUT PERSPEKTIF HADIS

Suriani Sudi<sup>1</sup>, Fariza Md Sham<sup>2</sup>, and Phayilah Yama<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.

Correspondence Author: Suriani Sudi. Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. Tel: (60) 196554746. Email: suriani@kuis.edu.my

### ABSTRAK

*Kecerdasan Spiritual pula merupakan konstruk psikologi yang mula mendapat perhatian dari para sarjana dalam bidang psikologi. Sebelum ini banyak teori dan kerangka konsep berkaitan kecerdasan spiritual dirujuk kepada sarjana Barat. Walau bagaimanapun, teori dan kerangka konsep yang dikemukakan oleh mereka adalah tidak sesuai untuk dijadikan kayu ukur dalam hidup seorang muslim. Oleh itu tujuan artikel ini ditulis adalah untuk mengupas konsep kecerdasan spiritual dari perspektif hadis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengenal pasti hadis-hadis Rasulullah SAW yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual. Kajian mendapati hadis menerangkan bahawa asas kecerdasan spiritual adalah iman. Kajian juga mendapati antara elemen spiritual yang dipetik daripada hadis adalah elemen takwa, cinta terhadap Allah dan Rasul, yakin dengan diri dan mempunyai kesabaran yang tinggi.*

**Kata Kunci:** *Kecerdasan Spiritual; Hadis; Psikologi; Islam; Barat.*

### (SPIRITUAL INTELLIGENCE BY HADITHS PERSPECTIVE)

### ABSTRACT

*Spiritual intelligence is a psychological construct that has begun to gain attention from scholars in the psychology field. Existing theories and conceptual frameworks regarding spiritual intelligence mainly refer to western scholars. However, the theories and conceptual frameworks proposed by the western scholars are not suitable to be used as a benchmark in the life of a Muslim. Thus, the purpose of this article is to analyse the spiritual intelligence concept based of the perspective of hadiths using the content analysis method by identifying the relevant hadiths that relate to spiritual intelligence. The study has found that hadith describes faith as the foundation of spiritual intelligence. In addition, the study also found that amongst spiritual elements highlighted in hadiths are piety, love towards Allah and the Prophet, self-confidence and steadfast patience.*

**Keywords:** *Spiritual intelligence; hadiths; psychology; Islam; Western.*

Received: January 23, 2016

Accepted: March 16, 2017

Online Published: December 30, 2017

## 1. PENGENALAN

Psikologi Islam adalah ilmu yang semakin berkembang pesat. Semakin ramai cendekiawan dan sarjana dalam bidang agama dan bidang sains sosial menjalankan kajian untuk memperkayakan lagi khazanah keilmuan psikologi Islam.

Emmons telah mengemukakan kajian berkaitan kecerdasan spiritual seawal tahun 2000 dan kemudiannya dipopularkan oleh pasangan Zohar dan Marshall (2000). Emmons (2000: 9-10) telah menggunakan istilah *spiritual intelligence* untuk membincangkan tentang kecerdasan ruhaniah atau kecerdasan spiritual dalam kajiannya bertajuk *Is spirituality an intelligence? Motivation, cognition, and the psychology of ultimate concern*. Beliau telah mencadangkan lima kompetensi yang boleh mengukur kecerdasan ruhaniah seseorang yang juga merupakan pandangan Gardner H, iaitu; (1) keupayaan untuk kesedaran kerohanian; (2) kebolehan untuk masuk ke dalam alam kesedaran kerohanian; (3) kebolehan untuk menerima pengalaman harian; (4) kebolehan untuk menggunakan kerohanian bagi menyelesaikan masalah; dan (5) keupayaan untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang terpuji.

Selain itu, Danah dan Marshall (2000: 1) juga menyatakan kecerdasan ruhaniah adalah kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian dan ia mempunyai perkaitan dengan kecerdasan intelek (Intelligence Quotient) dan kecerdasan emosi (Emotional Quotient) seseorang. Untuk mengukur ketinggian kecerdasan ruhaniah, Danah dan Marshall (2000:1) mengemukakan sepuluh indikator kecerdasan ruhaniah iaitu "*kemampuan untuk menghayati sesuatu, kesedaran sendiri, kemampuan untuk berhadapan dan menyelesaikan masalah, kemampuan untuk menghadapi pelbagai kesulitan, mempunyai nilai dan visi sebagai kualiti inspirasi kehidupan, kemampuan untuk mengelakkan kecederaan, kemampuan untuk menganalisis hubungan sesuatu perkara dari pelbagai dimensi, kemampuan kecenderungan untuk membuat kajian kenapa, apa dan mencari jawapannya, kemampuan untuk bekerja dalam satu persidangan dan kemampuan untuk menjadi pemimpin yang berjiwa rakyat.*"

Walaupun pakar-pakar psikoterapi Barat dianggap sebagai pelopor dalam bidang ini, namun pendekatan teori mereka dalam masyarakat Islam bukanlah suatu yang ideal lagi sesuai, malahan ia perlu dikaji dan diteliti dengan serius. Maka penulis akan membawakan konsep kecerdasan spiritual yang berlandaskan Islam yang boleh dijadikan rujukan.

Kajian berkaitan perbandingan konsep kecerdasan spiritual juga telah ditulis oleh Jumahat dan Abdullah (2014) bertajuk *Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula*. Kajian dijalankan bertujuan untuk merealisasikan Islamisasi ilmu psikologi dan untuk memberi maklumat kepada penyelidik-penyelidik Muslim bahawa kerangka teori atau kerangka konsep kecerdasan spiritual yang dikemukakan oleh Barat adalah tidak bersesuaian dengan landasan tasawur Islam. Kajiannya mendapati terdapat dua dilema utama yang wujud dalam teori kecerdasan spiritual dari Barat iaitu terdapat elemen-elemen sekularisme dan pluralisme beragama yang boleh menggugat keutuhan akidah Islam. Menurutnya lagi, wujudnya lompang yang ketara dari segi model dan konsepsi kecerdasan spiritual dari Barat mahu pun dari perspektif Islam dan belum ada satu teori yang konkrit terhadap konstruk psikologi ini. Maka perlu kepada satu penilaian dan pemikiran semula tentang epistemologi konsep kecerdasan spiritual mengikut acuan, falsafah dan epistemologi Islam.

Jumahat sekali lagi bersama Bensaid dan Nordin (2014) telah mengenengahkan satu kerangka konsep dan eksplorasi awal model pengukuran kecerdasan spiritual dari perspektif Islam yang berpaksikan paradigma tauhid dan seterusnya membina instrumen pengukuran yang sesuai digunakan untuk menyelidik Islam. Menurut mereka terdapat lima dimensi kerangka konsep kecerdasan spiritual yang dicadangkan iaitu Kesedaran Ruhaniah, Ibadah, Akhlak, Amanah dan Ilmu. Setiap dimensi dipecahkan kepada beberapa komponen yang diwakili oleh item-item pengukuran. Bagaimana pun, kajian ini masih lagi di peringkat permulaan dan analisis statistik lanjutan untuk kajian seterusnya amat diperlukan agar konstruk kecerdasan spiritual menjadi komponen yang penting dalam psikologi Islam dan juga bidang psikologi positif ke arah penyelidikan ilmu Islam yang lebih dinamik.

Malah terdapat kajian yang mengaitkan kecerdasan spiritual dengan bidang sains sosial yang lain seperti kajian yang mengaitkan kecerdasan spiritual dengan warga tua (Baharudin 2013), kecerdasan spiritual dan dakwah (Nan 2012), kecerdasan spiritual dalam menangani histeria (Hamjah *et. al.*, 2014), kecerdasan spiritual dalam proses pembelajaran (Hamjah, Rasit & Sham 2012) dan juga kecerdasan spiritual dalam pembentukan disiplin pelajar (Yusoh, 2015).

Walaupun kecerdasan spiritual adalah salah satu bidang penting dalam psikologi Islam namun masih ramai para pengkaji dan penyelidik Islam telah mengambil konsep, dimensi-dimensi dan alat pengukuran kecerdasan spiritual dari Barat (Jumahat dan Abdullah, 2014). Perkara ini turut dijelaskan oleh Tasmara (2001) di mana menurutnya selama bertahun-tahun umat Islam telah terpesona dengan penemuan Barat yang mengatakan bahawa kecerdasan adalah nilai intelektual yang tinggi yang boleh diukur secara kuantitatif. Sedangkan Barat mengatakan kecerdasan spiritual ini hanyalah potensi yang dimiliki manusia tanpa ada sebarang perkaitan dengan agama, kekuasaan dan kekuatan Tuhan.

Justeru, artikel ini seterusnya akan mengisi kelompangan model dan konsep kecerdasan spiritual dengan mengenengahkan kajian dari perspektif hadis dari aspek konsep dan elemen-elemennya.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan cara mengenalpasti hadis-hadis yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual dari kitab hadis *Kutub al-Sittah* dan mengumpulkan hadis-hadis tersebut seterusnya meletakkan tema yang bersesuaian untuk hadis-hadis yang ditemui.

## 3. PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Perbincangan hasil kajian ini penulis akan mulai dengan konsep kecerdasan spiritual menurut Islam dan seterusnya elemen-elemen kecerdasan spiritual yang diambil dari hadis-hadis yang telah ditemukan.

### 3.1 *Konsep Kecerdasan Spiritual Menurut Islam*

Kecerdasan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *intelligence* dan kamus al-Mawrid (1994) menterjemahkan *intelligence* sebagai *Zaka'*, *Fahm* dan *Idrak*. Menurut *Kamus Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi*, *Zaka'* dalam ilmu kejiwaan bermaksud kemampuan untuk menyelesaikan, menyusun, membezakan dan memilih dalam berhadapan keadaan yang pelbagai. *Idrak* pula diertikan di dalam falsafah sebagai mengetahui

dalam makna yang paling luas (Ahmad, 1988). Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* menyatakan kecerdasan berasal dari perkataan cerdas dan ia bermaksud sempurna akal (untuk berfikir, mengerti, dll.), cerdas, pandai, pintar dan tajam fikirannya (Anon, 1996). Maka kecerdasan menurut Kamus Dewan adalah kesempurnaan akal untuk berfikir dan mengerti.

Spirit juga disebut sebagai rohani dalam *Kamus Webster* (Anon, 1963). Begitu juga *Kamus al-Mawrid* (1994) yang menyebut spirit itu sebagai roh. Manakala spiritual menurut *Kamus Dewan* adalah sesuatu yang bersifat rohani atau jiwa yakni bukan yang bersifat fizikal (Anon, 1996). Menurut Salleh (2015) perkataan roh dalam epistemologi Islam adalah menggambarkan kepada maksud spiritual yang biasa disebut pada hari ini oleh para sarjana moden.

Sham (2013) dan Hamjah, *et. al.* (2012) menjelaskan bahawa konstruk spiritual adalah merupakan kombinasi antara empat elemen iaitu hati, jiwa, akal dan roh iaitu komponen yang bersifat dalaman yang berpengaruh dalam penjelmaan personaliti seseorang. Dalam konteks Islam, spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT. Al-Quran surah al-Isra' ayat 85 dengan jelas menegaskan tentang roh sebagai salah satu urusan Tuhan yang tidak didedahkan kepada pengetahuan manusia melainkan hanya sedikit sahaja:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya:

*Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan TuhanKu; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.*

Allah SWT telah menjelaskan bahawa roh dan jiwa adalah antara tanda kekuasaanNya sepertimana bulan, bintang, laut dan tumbuhan. Dan Allah SWT meminta agar roh dan jiwa yang berada di antara lambung dan yang berada di dalam jasad ini diperhatikan dan diperhalusi. Kerana itu baginda SAW sangat menekankan kepada penjagaan roh dan menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya roh yang berada di dalam iaitu *al-qalb*. Perkara ini jelas dalam sabda baginda SAW;

*“Dan ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah bahawa ia adalah hati (al-Bukhari. Sahih Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Fadlu Man Yastabra’ Dinihi, no. Hadis 52).*

Menurut al-Nawawi (1989), hati berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang. Ia berperanan dalam usaha menggerak, memberhenti atau memperelokkan perbuatannya. Beliau menjelaskan lagi bahawa hati yang baik adalah hati yang sentiasa ingat akan kebesaran Allah SWT, mematuhi perintahnya, menjauhi larangannya serta menjauhi perkara syubhat kerana takut terjatuh kepada yang haram. Kerana itulah dalam pentarbiyahan terhadap manusia, nabi SAW sangat memberatkan aspek spiritual dan ruhani iaitu dengan menyemai iman ke dalam hati mereka.

Maka kunci untuk mendapatkan kecerdasan spiritual itu bermula dari hati. Hati ini pula mestilah punyai hubungan yang kuat dengan Allah SWT seterusnya ia akan menolak spiritual dan menghasilkan kekuatan luar biasa yang akan memberi kesan yang sangat besar terhadap dirinya. Maka akan bangkitlah kekuatan dan

kecergasan dan sekali gus melahirkan rasa tanggungjawab dengan berterusan melakukan amal.

Oleh sebab itu, kecerdasan spiritual di dalam Islam boleh dicapai apabila seseorang itu berjaya menyerahkan seluruh hidupnya dengan penuh reda dan pasrah kepada Allah SWT dan pengabdian tanpa sebarang rungutan dan ungkitan. Malah ia akan menjadikannya sebagai manusia yang seimbang kerana telah memenuhi elemen spiritual iaitu salah satu dari empat elemen kejadian manusia iaitu mental, spiritual, fizikal dan tingkah laku (Jalil 2015). Malah menurut al-Ghazali (1998), elemen spiritual adalah elemen terpenting dalam pembentukan individu seseorang.

Sebagaimana huraian yang telah dikemukakan oleh sarjana Islam al-Ghazali (1998) bahawa elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Menurut al-Ghazali, jiwa manusia harus ditransformasikan menuju kesempurnaan. Untuk itu, al-Ghazali telah mengklasifikasikan *al-nafs* kepada beberapa peringkat bermula dari yang bersifat *al-nafs al-ammarah* hinggalah kepada peringkat hati yang tenang lagi suci bersih yang dinamakan sebagai *al-nafs al-mutmainnah*. Tahap ini merupakan keadaan diri atau jiwa yang tenang serta berjaya melawan hasutan nafsu syahwat (Hamjah 2016). Pada tahap ini rasa cintanya kepada Allah mendorongnya sentiasa melakukan kebaikan dan mengajak orang lain ke arah kebaikan. Keinginannya untuk menyelamatkan manusia lain dari dosa dan kemurkaan Allah begitu tinggi sehingga mendorongnya menjadi seorang pendakwah yang sentiasa berjuang untuk menegakkan kalimah Allah SWT. Walaupun al-Ghazali tidak mendefinisikan secara langsung maksud kecerdasan spiritual, namun perkara yang penting untuk dirumuskan di sini adalah tahap tertinggi iaitu *al-nafs al-mutmainnah* inilah yang dikatakan sebagai spiritual yang cerdas.

Kerana itulah juga Hasan (1987) mengatakan bahawa peringkat-peringkat jiwa dalam Al-Quran bermula dari *al-nafs al-ammarah*, *al-nafs al-lawamah hinggalah peringkat yang tertinggi iaitu al-nafs al-mutmainnah*, adalah hierarki pembangunan rohani manusia. Maka hierarki pembangunan rohani ini sendiri telah memberikan implikasi kepada takrif kecerdasan spiritual (Bensaid, *et. al.* 2014).

Perkara yang membezakan kecerdasan spiritual Islam dan Barat adalah pada asasnya. Kecerdasan spiritual dalam Islam adalah berasaskan tauhid dan iman. Perkara ini jelas di dalam hadis-hadis baginda SAW. Perkara pertama yang mahu diubah oleh al-Quran terhadap jiwa-jiwa orang arab adalah akidah mereka. Kerana itulah ayat-ayat al-Quran yang turun ketika dakwah Rasul s.a.w di Mekah adalah bermatlamatkan pengukuhan akidah dan tauhid. Beriman dengan akidah tauhid merupakan langkah pertama untuk melakukan perubahan pada diri manusia yang akhirnya akan melahirkan kekuatan ruhiyah yang hebat yang bukan setakat mengubah dirinya sendiri malah mampu mengubah manusia, kehidupan dan alam seluruhnya. Hatinya juga akan dipenuhi rasa cinta, kasih dan sayang kepada Allah SWT, Rasul dan manusia di sekelilingnya malah manusia seluruhnya. Seterusnya membangkitkan rasa tenang damai dan tenteram.

Kerana itulah hadis nabi SAW juga ada menekankan kepada kepentingan spiritual atau kekuatan dalaman seseorang iaitu dengan sentiasa memperbaharui iman. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim:

*Wahai Hanzalah, perbaharuilah iman secara berkala (dari waktu ke waktu dan secara bertahap). Kiranya keadaan kalian adalah sebagaimana keadaan kalian ketika bersamaku, nescaya para malaikat akan menyalami kalian hingga saat perjalanan kalian.* (Muslim. *Sahih Muslim* Kitab Taubah. Bab Fadl Dawam al-Zikr wa al-Fikr fi Umur al-Akhirah. No hadis. 4938).

Imam Nawawi telah meletakkan hadis ini di bawah tajuk keutamaan zikir dan merenung hari akhirat. Hadis ini menerangkan bahawa kita perlu sentiasa menguatkan aspek ruhani dan spiritual iaitu dengan membangkitkan iman di dalam hati. Ibadah dan zikir akan menghasilkan kesucian, ketelusan, membebaskan ruhi dari ikatan duniawi dan material, maka pada ketika itu manusia mampu untuk mencapai perkara tidak mampu ia capai kiranya ia sibuk dengan perkara-perkara duniawi (Najati, 1988).

Di dalam hal ini baginda Rasul SAW telah menjelaskan bahawa hati insan yang teguh dengan iman itu punya kekuatan yang tersembunyi yang akan terserlah apabila teruji. Adapun amalan yang terzahir adalah hakikat dan realiti apa yang di dalam hati. Dalam menafsir ayat 105 surah al-Maidah yang bermaksud;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ لَا يَضُرُّكُمْ مَن ضَلَّ إِذَا أَهْتَدَيْتُمْ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayat petunjuk (taat mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Dia akan menerangkan kepada kamu (balasan) apa yang kamu telah lakukan.*

Baginda SAW menjelaskan kepada kepentingan orang mukmin itu berpegang kepada hati pada saat kemungkarannya, hawa nafsu dan dunia ini diikuti oleh ramai orang. Di dalam sebuah hadis Abu Tha'labah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda;

*“Apabila kamu melihat kekikiran yang ditaati, hawa nafsu yang diikuti, kehidupan dunia lebih diutamakan dan kekaguman setiap orang dengan pendapatnya, engkau harus berpegang dengan mata hatimu dan tinggalkan orang awam kerana di belakang kalian akan ada satu masa dimana saat itu kesabaran itu laksana memegang bara api. Orang yang beramal saat itu sama seperti pahala lima puluh orang yang melakukan seperti amalan kalian.”(Abu Dawud. Sunan Abi Dawud. Kitab al-Malahim. Bab al-Amr wa al-Nahy. No hadis. 3778)*

Baginda Rasul SAW juga sentiasa memotivasikan agar spiritual dihalakan agar sentiasa kepada mengingati Allah SWT. Dalam sebuah hadis dari Anas bin Malik bermaksud:

*Barangsiapa yang keinginannya hanya kehidupan akhirat maka Allah akan memberi rasa cukup dalam hatinya, menyatukan urusannya yang berserakan dan dunia datang kepadanya tanpa dia cari, dan barangsiapa yang keinginannya hanya kehidupan dunia maka Allah akan jadikan kemiskinan selalu membayangkan-bayangi di antara kedua matanya, menceraikan urusannya dan dunia tidak akan datang kepadanya kecuali sekadar apa yang telah ditentukan baginya.” (Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Zakah. Bab Laysa al-Ghina ‘an Kathrah al-‘Aradh. No hadis. 1051)*

Kerana itulah baginda Rasul SAW seterusnya menegaskan bahawa kekayaan hati adalah kekayaan yang sebenar. Kekayaan yang membuatkan hati lebih tenang adalah hati yang kaya dengan sifat-sifat mahmudah, hati yang sentiasa memikirkan Allah dan akhirat. Hati yang kaya ini lebih baik dari kekayaan harta. Kekayaan harta tanpa kekayaan hati adalah kekayaan yang kosong. Kekayaan yang hanya bersifat sementara. Kekayaan hati adalah kekayaan yang sebenar dan yang memberikan kebahagiaan abadi.

*“Bukanlah kekayaan itu karena banyaknya harta, akan tetapi kekayaan itu adalah kayanya hati”* (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Zakah. Bab Laysa al-Ghina ‘an Katrah al-‘Aradh. No hadith 1051).

Jelaslah bahawa al-Quran dan hadis sangat menekankan pembicaraan tentang spiritual. Ayat-ayat al-Quran dan hadis di atas menunjukkan bahawa spiritual diletakkan sebagai unsur penting dalam pembentukan peribadi seseorang dan seorang muslim itu dituntut untuk meletakkan spiritualnya pada tahap yang sentiasa ingat Allah SWT, sedar dengan alam sekeliling dan teguh bila diuji. Inilah yang dikatakan sebagai spiritual yang cerdas.

### 3.2 *Elemen Kecerdasan Spiritual Menurut Hadis*

Hasil dari analisis kajian terhadap hadis-hadis maka penulis telah menemui beberapa tema yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual di antaranya ialah takwa, rasa cinta yang mendalam terhadap Allah SWT dan Rasul, yakin dengan diri dan mempunyai kesabaran yang tinggi.

#### 3.2.1 Takwa

Iman yang benar kepada Allah SWT akan menghasilkan takwa. Takwa bukan sekadar bermaksud memelihara diri dari kemarahan Allah SWT serta azabNya, menjauhkan diri dari perbuatan maksiat, iltizam dengan manhaj Allah SWT, melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang (Najati: 282). Akan tetapi takwa juga merupakan bentuk tanggungjawab yang dilaksanakan dengan penuh rasa cinta dan menunjukkan amal prestasi (Tasmara: 2001). Takwa merupakan hasil dari pencerahan kalbu dan membuat seseorang itu memahami lalu bertindak di atas kebenaran. Kerana itulah baginda SAW menunjukkan jarinya ke dada dengan sabdanya;

*“Takwa itu di sini”* (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Tahrim Zulm Muslim. No Hadis 6706).

Hadis ini sekali gus menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual adalah hati yang dipenuhi takwa dan kunci kecerdasan ruhani berada pada hati nurani yang sarat dengan nilai takwa. Seorang yang cerdas secara ruhani itu, akan menunjukkan rasa tanggungjawab dengan terus menerus melakukan kebajikan atau amal sebagaimana yang disebut dalam firman Allah SWT dalam surah al Maidah ayat 93;

لَيْسَ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جُنَاحٌ فِيمَا طَعِمُوا إِذَا مَا اتَّقَوْا وَءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ثُمَّ اتَّقَوْا وَءَامَنُوا  
ثُمَّ اتَّقَوْا وَءَامَنُوا وَأَحْسَنُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾

Maksudnya:

*Tidak ada dosa bagi orang-orang yang beriman serta mengerjakan amal yang soleh pada apa yang telah mereka makan dahulu, apabila mereka bertakwa dan beriman serta mengerjakan amal yang soleh, kemudian mereka tetap bertakwa dan beriman, kemudian mereka tetap bertakwa dan berbuat kebajikan; kerana Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*

Ayat di atas jelas menggambarkan bahawa sifat orang mukmin itu adalah yang mempunyai takwa, iman dan amal saleh. Maka kecerdasan spiritual sangat erat kaitannya dengan cara dirinya mempertahankan prinsipnya iaitu iman dan takwa. Kedua-dua prinsip ini akhirnya menolaknya untuk melakukan amal-amal soleh. Maka jelas bahawa takwa bukan hanya sekadar rasa takut akan tetapi ia merupakan sebuah dorongan untuk menunjukkan bukti iman menerusi tanggungjawab yang dilaksanakan.

### 3.2.2 Rasa Cinta terhadap Allah SWT dan RasulNya

Spiritual yang tinggi akan meletakkan cinta Allah SWT dan Rasul mengatasi segala cinta yang lain. Ia adalah asas pada kebahagiaan dan keseronokan roh. Dan juga asas kepada perbuatan mukmin. Apabila jiwa insan dipenuhi dengan cinta kepada Allah SWT dan Rasul maka seluruh perbuatannya, pergerakan dan tindakan akan diarahkan kepada ketaatan kepada Allah, melakukan apa yang Allah SWT reda dan menjauhi apa yang Allah murka:

*“Tiga perkara yang apabila ada pada diri seseorang, ia akan mendapatkan manisnya iman: Dijadikannya Allah dan Rasul-Nya lebih dicintainya dari selain keduanya. Jika ia mencintai seseorang, dia tidak mencintainya kecuali kerana Allah. Dan dia benci kembali kepada kekufuran seperti dia benci bila dilempar ke neraka.”* (al-Bukhari. Sahih Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Halawah al-Iman. No hadis 15)

### 3.2.3 Yakin dengan Diri

Hati yang dipenuhi dengan iman dan takwa tidak pernah merasa kurang, lemah dan takut. Ia sentiasa terdorong untuk merasa *'izzah* dengan dirinya, berani mengemukakan pandangan dan mengutarakan buah fikiran tanpa rasa takut kepada manusia. Sebuah hadis dari terkenal berkaitan pertanyaan Rasulullah SAW kepada Muaz yang akan menjadi gabenor Yaman, terhadap apa yang dijadikan rujukan oleh beliau saat beliau mahu menetapkan hukum. Dengan tegas dan jelas Muaz menyatakan;

*“Aku akan menetapkannya dengan Kitab Allah (al-Quran). Rasulullah bertanya lagi: Kalau kamu tidak menemuinya dalam al-Quran? Muaz berkata: “Aku akan menetapkannya dengan Sunnah Rasulullah. Rasulullah bertanya lagi: Kalau kamu juga tidak menemuinya dalam Sunnah? Muadz menjawab: Aku akan menetapkannya dengan berijtihad (menetapkan hukum sesuai dengan pendapat dan pandangan) sendiri.”* (Abu Dawud. Sunan Abu Dawud. Kitab al-Aqdiyah. Bab Ijtihad al-Ra'yi fi al-Qadha'. no hadis. 3119)

Jawapan Muaz terhadap pertanyaan Rasulullah SAW dalam menyatakan rujukannya dalam mentadbir menggambarkan keyakinannya terhadap apa yang perlu

dilakukan. Keyakinan pula letaknya di hati. Keyakinan yang ditunjukkan itu mendapat pujian dan perakuan dari baginda SAW.

### 3.2.4 Kesabaran Tinggi

Antara penanda aras kecedasan spiritual yang paling tinggi adalah kemampuan untuk menanggung kepayahan hidup, teguh dalam menghadapi halangan dan dugaan, tidak lemah di hadapan musibah dan tidak lemah dan tidak juga ada perasaan putus asa. Itulah sifat sabar yang bererti memiliki ketabahan dan daya yang sangat kuat untuk menerima beban dan ujian atau tentangan Allah banyak berpesan berkaitan sabar dalam banyak ayat nya. Disebut dalam surah al-Ahqaf ayat 35 Allah SWT berfirman:

فَأَصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِلْ لَهُمْ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبَثُوا إِلَّا سَاعَةً مِّن نَّهَارٍ بَلَّغَ  
فَهَلْ يُهْلِكُ إِلَّا الْقَوْمَ الْفَاسِقُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

*Maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul Ulil-Azmi (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu).*

Baginda Rasulullah SAW mengajar para sahabat baginda bahawa apa sahaja musibah yang menimpa maka ia adalah ujian dari Allah SWT untuk meningkat derajat dan menghapuskan dosa-dosa dan kesalahan dan untuk ditetapkan baginya kebaikan. Inilah bentuk pengajaran nabawi yang menguatkan sifat sabar dalam menghadapi kesukaran hidup dan menanggung musibah dengan hati yang reda dengan ketentuan Allah SWT.

*“Tidak ada satupun musibah (cobaan) yang menimpa seorang muslim berupa duri atau yang semisalnya, melainkan dengannya Allah akan mengangkat derajatnya atau menghapus kesalahannya” (Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab. Bab Thawab al-Mukmin fima Yusibuhu al-Maradh. No hadis 4665).*

Sifat sabar adalah sifat istimewa orang mukmin. Kerana itu baginda SAW memuji orang mukmin yang sabar dengan sabdanya;

*“Urusan orang mukmin mengagumkan, sesungguhnya semua perihalnya baik dan itu tidak dimiliki seorang pun selain orang mukmin. Bila tertimpa kesenangan, ia bersyukur dan syukur itu baik baginya dan bila tertimpa musibah, ia bersabar dan sabar itu juga baik baginya” (Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Zud wa al-Raqaiq. Bab al-Mukmin Amruhu Kulluhu Khayr. No hadis 5318).*

## 4. RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Hasil dari pembentangan hadis-hadis di atas jelas menjawab objektif yang diutarakan di awal kajian iaitu untuk mengenengahkan konsep kecerdasan spiritual berdasarkan hadis. Dari situ penulis dapat merumuskan tiga perkara. Pertama; kecerdasan spiritual adalah satu bentuk psikologi yang ada dibincangkan di dalam sumber rujukan kita

iaitu al-Quran dan Hadis. Di dalam Islam, kecerdasan spiritual adalah kecerdasan yang berasaskan kepada tauhid dan iman yang mendalam kepada Allah SWT. Ini seterusnya ini membezakan kecerdasan spiritual dari barat yang hanya berasaskan kepada potensi otak semata-mata. Ini sekaligus membuktikan bahawa kecerdasan spiritual bukanlah perkara baharu dalam Islam. Islam telah lebih dahulu membincangkan perkara ini lebih 1400 tahun dahulu. Kedua; antara elemen kecerdasan spiritual di dalam Islam ialah taqwa. Takwa bukan hanya sekadar rasa takut kepada Allah akan tetapi ia merupakan sebuah dorongan untuk menunjukkan bukti menerusi tanggungjawab yang ia laksanakan. Elemen kecerdasan spiritual yang lain adalah rasa cinta yang mendalam terhadap Allah dan Rasul, yakin dengan diri dan punya kesabaran yang tinggi. Maka dengan ini penulis telah mengemukakan konsep kecerdasan spiritual menurut Islam yang boleh dijadikan rujukan oleh pengkaji hari ini. Seterusnya diharapkan kajian ini juga akan dapat membuka mata para penyelidik muslim agar tidak meletakkan sandaran utama kajian mereka kepada konsep-konsep dan dimensi kecerdasan spiritual dari Barat.

## RUJUKAN

- Abu Dawud Sulaiman Ibn al-Asy'ath. (2000). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ahmad al-'Ayyid, et. al. (1988). *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi*. t.tp.: t.pt.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (1992). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1998). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 3. Kaheerah: Dar al-Hadis.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya Sharif. (1989). *Hadis empat Puluh*. Terj. Mustafa Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Anon. (1996). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (1999). *Webster's World Encyclopedia*. New York: Webster Publishing Ptd. Ltd.
- Baharuddin E & Ismail Z. (2013). Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan. *Jurnal ISLAMIYYAT* 35(1).
- Bensaid, B., Machouche, S. & Grine, F. (2014). A Qur'anic Framework For Spiritual Intelligence. *Religions*, 5.
- Danah Zohar & Ian Marshall. (2001). SQ - *Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. AJM January 2001. <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>.
- Emmons, R. (2000). Is Spirituality an intelligence? Motivation, Cognition, and the Psychology of Ultimate Concern. *International Journal for the Psychology of Religion*, 10(1), 3–26.
- Hamjah, S. H, et. al. (2014). Pendekatan Spiritual dalam Menangani Histeria. *Jurnal Sains Humanika* 2: 1. Johor Baru: Penerbit UTM Press.
- Hamjah, S. H., Rasit, R. M. & Sham, F. M. (2012). Role of Spiritual Aspect In The Learning Process of Islamic Studies Student, *Medwells Journals*.
- Ibn Manzur, Abu Fadil Jamal Al-Din. (1968). *Lisan al-Arab*. Jil 1, 11 & 14. Beirut: Dar al-Sadr.
- Jalil M. H. et. al. (2015). Elements of Human Capital Development According To Hasan Al-Banna. *The Turkish Online Journal of Educational Technology* – August 2015, Special Issue for INTE 2015.

- Jumahat T., Bensaid B. & Nordin M. S. (2014). Pembinaan Kerangka Konsep Dan Eksplorasi Awal Model Pengukuran Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam. *The 9th International Malaysian Studies Conference (MSC9)*. Universiti Malaysia Terengganu (UMT). 18 – 20 August 2014.
- Jumahat, T. & Abdullah, N. (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Langgulong, H. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Munir Ba'albaki. (1994). *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. (1955). *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Najati, M. U. (1992). *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Nan A. H. (2012). *Pelaksanaan Pendekatan Spiritual Dakwah Dalam Kaunseling Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda Sungai Merab*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Dakwah dan Pengurusan Insan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh, N. M. (2015). *Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Phd. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sham F. M., Hamjah S. H. & Sharifudin, M. J. (2013). *Personaliti Dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM
- Tasmara, T. (2001). *Kecerdasan Ruhaniah*. Jakarta: Gema Insani.
- Yusoh Z. M. (2015). *Pendekatan Kecerdasan Ruhaniah Dalam Pembentukan Disiplin Pelajar Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pekan Pahang*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Dakwah dan Pengurusan Insan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

## BIOGRAFI PENULIS

**Suriani binti Sudi** lulusan Sarjana dalam bidang Hadis di Universiti Malaya dan BA dalam bidang Hadis di Universiti al-Azhar Kaherah. Sekarang menjawat jawatan sebagai pensyarah di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau banyak menulis kertas kerja dan artikel jurnal dalam bidang Hadis dan Pengajian Islam dan terlibat dengan geran-geran penyelidikan dalam bidang Hadis dan Pengajian Islam. Bidang penulisan merangkumi bidang hadis, pembangunan Insan dan pengajian Islam. Terlibat sebagai penulis dalam majalah, penceramah dan panel dalam program-program dakwah, aktiviti pendidikan dan pembangunan insan serta aktiviti-aktiviti pengajian di surau dan masjid di sekitar Selangor. Kini beliau bertugas sebagai pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sejak tahun 2007. Alamat e-mel: [suriani@kuis.edu.my](mailto:suriani@kuis.edu.my).